

Pemupukan Nilai Melalui Program ACE the Virtues

Aniza Samat

aniza_samat@moe.edu.sg

Zakiah Zainol Abidin

CHIJ Our Lady Queen of Peace

Zakiah_zainol_abidin_mar@moe.edu.sg

Abstrak

Memupuk nilai dalam kalangan murid merupakan satu tugas yang memerlukan sokongan pelbagai pihak. Pengajaran sifat-sifat murni ini tidak akan membawa kesan yang mendalam jika pengajaran ini tidak diperkukuh dan dipraktikkan dalam kehidupan murid. Usaha ini perlu diperkukuh ibu bapa, rakan-rakan sebaya dan juga program-program yang dijalankan di sekolah. Namun, penerapan nilai ini perlu dilaksanakan di sekolah memandangkan murid menghabiskan banyak masa berada di sekolah. Bukan itu sahaja, penerapan nilai ini harus dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari. Kajian ini akan melihat keberkesanan pemupukan nilai dalam kalangan murid darjah P1 hingga P3. Kajian ini akan melihat keberkesanan pemupukan nilai melalui program *ACE the Virtues* yang dijalankan sepanjang sepuluh minggu dan dipantau sebanyak empat fasa. Kajian ini juga melihat sejauh mana dorongan ganjaran dapat mempengaruhi usaha pemupukan nilai murid-murid yang menjadi subjek kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid didapati lebih cenderung untuk menunjukkan tingkah laku yang baik dengan adanya program yang bertindak sebagai pemangkin ini.

Kata kunci

Program *ACE the Virtues*, Keberkesanan Pemupukan Nilai, Dorongan Ganjaran.

PENGENALAN

Pemupukan nilai perlu dilakukan secara berterusan dengan perancangan yang teliti lagi sistematik. Tingkah laku dan sifat yang positif dipupuk dan dibina dalam diri murid-murid bagi membentuk murid-murid ini menjadi rakyat yang baik, prihatin dan bertanggungjawab. Hal ini amat diberatkan dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE). Namun, adakah murid-murid akan lebih terdorong untuk menunjukkan tingkah laku dan sifat-sifat yang positif jika diberikan ganjaran? Sejauh manakah pengajaran nilai-nilai moral dan sifat-sifat murni yang amat dititikberatkan seperti yang dicerminkan dalam visi dan misi sekolah dipertingkatkan jika semua kakitangan sekolah terlibat sama? Persoalan-persoalan inilah yang menjadi asas kajian ini. Kajian yang dilaksanakan Jabatan Bahasa Ibunda ini menekankan kepada pembentukan perwatakan yang positif dalam diri seorang murid.

PERNYATAAN MASALAH

Tugas mengajar nilai-nilai moral dan sifat-sifat murni secara eksplisit dipikul oleh guru-guru yang mengajar pelajaran Sivik dan Pendidikan Moral (CME). Memandangkan masa kurikulum yang diperuntukkan untuk pelajaran CME begitu terhad, iaitu sebanyak dua waktu bagi P1-P3 dan tiga waktu bagi P4-P6 kesan tingkah laku dan sifat positif murid tidaklah begitu ketara. Mulai tahun 2014, apabila pemberian gred bagi pelajaran CME ditiadakan, guru-guru terutamanya guru-guru yang mengajar CME atau apa yang dikenali sekarang sebagai pelajaran Rakyat Budiman menjangkakan timbulnya masalah dalam memantau, menilai dan merekodkan tingkah laku murid-murid.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. melihat keberkesanan pemupukan nilai dalam kalangan murid P1-P3; dan
2. melihat sama ada penggunaan sistem ganjaran dapat digunakan sebagai alat penilaian holistik murid.

KAJIAN LITERATUR

Matlamat utama setiap sekolah adalah untuk meningkatkan pencapaian murid-murid dengan menyampaikan pengetahuan dan kemahiran serta membentuk

perwatakan dan menyemai nilai-nilai murni dalam diri mereka (Sergiovanni, 1991). Oleh itu, berbagai-bagai program yang telah dijalankan di sekolah demi membina generasi yang cemerlang baik dari segi akademik mahupun moral. Sistem ganjaran merupakan salah satu cara yang dapat mendorong murid-murid untuk menunjukkan tingkah laku yang baik.

Menurut Biehler dan Snowman (1993), kajian Teori Pelaziman Operasi yang dilakukan oleh tokoh terkemuka behaviorisme, B.F. Skinner menunjukkan bahawa seseorang individu itu terdorong untuk berkelakuan baik disebabkan oleh proses pelaziman dan pengukuhan menerusi sistem ganjaran. Skinner merumuskan bahawa gerak balas tingkah laku boleh diperkuat atau diulangi jika diberikan pengukuhan sebaik sahaja gerak balas itu ditunjukkan. Pengukuhan di sini membawa maksud perkara yang dilakukan untuk menggalakkan sesuatu perlakuan itu diulangi, contohnya, kata-kata rangsangan dan sistem ganjaran. Disebabkan ganjaran ini, perlakuan atau tingkah laku yang ditunjukkan akan diulangi dan diperkuatkan lagi. Oleh yang demikian, pengukuhan positif sebegini dapat mendorong murid untuk melakukan yang terbaik dari segi moral mahupun pelajaran.

Harackiewicz dan Sansone (1991) pula berpendapat bahawa sistem ganjaran memberi motivasi kepada individu untuk lebih terdorong melakukan sesuatu itu dengan lebih baik lagi dan sekaligus membantu mereka lebih berkeyakinan dan cekap melakukan sesuatu.

Menurut David G. Meyers (1996), ganjaran diberikan bagisebagai tanda sesuatu perkara dilakukan dengan baik. Dengan adanya ganjaran, seorang individu akan lebih terdorong untuk melakukan yang terbaik.

“A person’s interest often survives when a reward is used neither to bribe nor to control but to signal a job well done, as in a “most improved player” award. If a reward boosts your feeling of competence after doing good work, your enjoyment of the task may increase. Rewards, rightly administered, can motivate high performance and creativity. And extrinsic rewards (such as scholarships, admissions, and jobs that often follow good grades) are here to stay.”

(Psychology: Eighth Edition in Modules: 1996)

Berdasarkan teori-teori di atas, nyatalah bahawa sistem ganjaran mampu mendorong murid-murid untuk menunjukkan tingkah laku yang baik pada setiap masa. Malahan, sistem ini juga dapat menjadikan hal ini suatu kebiasaan yang

tidak memerlukan ganjaran lagi.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini mengambil kira kaedah kajian secara kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif diperoleh melalui kaki tangan sekolah manakala data kuantitatif diperoleh daripada murid-murid.

SUBJEK KAJIAN

Pada peringkat awal perancangan Program *ACE the Virtues*, hanya murid-murid darjah satu dan dua sahaja yang dilibatkan selaras dengan pelaksanaan CCE. Namun demikian, murid-murid darjah tiga turut disertakan sama untuk mendapatkan data yang lebih komprehensif daripada pelbagai peringkat. Oleh yang demikian, subjek kajian ini telah melibatkan kesemua murid di peringkat rendah bawah, dari darjah satu hingga darjah tiga.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada maklum balas kakitangan sekolah berdasarkan pemerhatian mereka. Selain itu, borang soal-selidik yang diadaptasikan daripada Robert Goodman (2005) turut diberikan kepada murid-murid untuk memperoleh dapatan secara kuantitatif bagi menyokong dapatan kajian ini.

PROSEDUR KAJIAN

Program ini akan dilaksanakan selama setahun bermula pada bulan Januari 2014. Program ini dibahagikan kepada empat fasa.

1. Fasa Pertama (Penggal 1 - Minggu 2)

Taklimat mengenai program ini telah dijalankan oleh Koordinator CCE. Perkara-perkara yang dibincangkan ialah objektif program ini, subjek yang terlibat dan cara-cara pelaksanaannya. Selepas taklimat, kad-kad *ACE the Virtues* dan pelekat diedarkan kepada murid-murid.

2. Fasa Kedua (Penggal 1 - Minggu 3 - 10 hingga Penggal 2 – Minggu 1 – 8)

Proses pengumpulan pelekat oleh murid-murid.

3. Fasa Ketiga (Penggal 2 - Minggu 9)

Guru mendapatkan maklum balas murid-murid dengan menggunakan borang soal-selidik untuk mengetahui tentang keberkesanan program.

4. Fasa Keempat (Penggal 2 - Minggu 10)

Pemberian sijil dan lencana kepada setiap murid daripada setiap kelas yang mendapat bilangan pelekat yang terbanyak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Menerusi maklum balas yang diperolehi daripada kaki tangan sekolah pada Penggal 1, murid-murid telah menunjukkan tingkah laku yang positif seperti lebih bertanggungjawab, hormat-menghormati antara satu sama lain dan prihatin akan kebajikan rakan-rakan dan kaki tangan sekolah. Dapatan ini selaras dengan dapatan Skinner bahawa sistem ganjaran dalam membentuk perwatakan murid-murid secara holistik.

Maklum balas yang positif ini telah mendorong pengetua untuk menyarankan agar program ini diteruskan hingga ke peringkat rendah atas mulai Semester 2.

Data kuantitatif hanya akan diperolehi setelah borang selidik diedarkan pada Fasa Ketiga program ini, iaitu pada Penggal 2, Minggu 9.

KESIMPULAN

Dengan menggunakan sistem ganjaran, murid-murid didapati telah menunjukkan tingkah laku yang baik pada setiap masa. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang menunjukkan tingkah laku yang baik walaupun tidak diberikan ganjaran kerana telah lazim melakukannya. Selanjutnya, dapatan kajian ini akan diperhalusi selepas keempat-empat fasa di dilaksanakan. Data yang lebih terperinci akan diteliti bagi menilai keberkesanan sistem ganjaran dalam membentuk perwatakan murid secara holistik.

RUJUKAN

Biehler, Robert F., Snowman, Jack. (1993). *Psychology Applied To Teaching* (7th ed.). Boston: Houghton Mifflin Company.

- Goodman, R., Meltzer, H. & Bailey, V. (1998). The Strengths and Difficulties Questionnaire: a pilot study on the validity of the self-report version European Child and Adolescent Psychiatry.
- Harackiewicz, J. M. & Sansone, C. (1991). Goals and Intrinsic Motivation. Greenwich, CT: Jai Press.
- Meyers, David G. (2006). Psychology: Eighth Edition in Modules. Worth Publishers.
- Sergiovanni, Thomas J. (1991). The Principals' Role - A Reflective Practice Perspective (2nd ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Sukatan Pelajaran 2014 Pendidikan Perwatakan Dan Kewarganegaraan. Kementerian Pendidikan Singapura.